

Hadi undang penjajahan pihak luar

UM 20 SEP 2003

LANGKAWI 19 Sept. — Cadangan Datuk Seri Abdul Hadi Awang supaya badan pengawas antarabangsa mengambil alih peranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memperlihatkan pemikiran cetek Presiden Pas itu kerana tindakan sedemikian akan hanya mengundang penjajahan pihak luar terhadap negara ini.

Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir berkata, cadangan Hadi itu adalah berbahaya kerana ia boleh menyebabkan negara dijajah semula sebagaimana yang berlaku pada tahun 1700 dan 1800 dahulu.

Sejajar dengan itu, Pemuda UMNO jelas beliau, membantah cadangan berkenaan.

Tegasnya, jika corak kepimpinan yang bergantung kepada pihak luar menjadi pegangan Hadi maka pemimpin Pas itu

tidak boleh dibenarkan memimpin kerana cara beliau itu akan hanya menyebabkan terhakisnya kedaulatan di negara ini.

“Kalau itu bentuk kepimpinan Hadi, maka sememangnya beliau tidak boleh memimpin negara ini, kerana beliau dari awal menunjukkan beliau sanggup mengundang kuasa luar.

Peluang

“Atas nama untuk memerintah beliau sanggup buat apa saja asalkan beliau boleh diberi peluang untuk memerintah iaitu menghalalkan cara untuk berkuasa,” katanya yang juga Ketua Pemuda UMNO Kedah, kepada pemberita selepas melancarkan Program Jelajah Kemerdekaan Pemuda UMNO Langkawi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Hadi kelmarin

yang mencadangkan supaya badan pengawas antarabangsa mengambil alih peranan SPR.

Abdul Aziz berkata, berdasarkan fakta sejarah, campur tangan Inggeris di Perak dan Portugis di Melaka berlaku apabila pemimpin tempatan bertelingkah lalu mereka meminta bantuan Inggeris yang mana tindakan itu akhirnya menyebabkan negeri-negeri berkenaan dijajah oleh kuasa luar.

“Sejarah membuktikan inilah bentuk undangan yang membiarkan Malaya ketika itu dijajah Portugis, Belanda dan Inggeris jadi kita berpendapat pandangan Hadi adalah pandangan yang cetek,” katanya.

Abdul Aziz seterusnya meminta rakyat menolak bentuk kepimpinan Hadi yang pada pandangannya boleh membawa kepada penjajahan semula negara ini oleh pihak luar.

“Ciri kepimpinan Hadi itu cukup berbeza dengan pendirian Perdana Menteri yang berani menentang penjajahan ekonomi yang cuba dilakukan menerusi Dana Kewangan Antarabangsa (IMF).

Lantang

“Walaupun Malaysia hampir bersendirian dalam menentang IMF, Dr. Mahathir Mohamad dengan penuh keyakinan sanggup bangun menentang bentuk penjajahan ini dan hari ini terbukti Malaysia masih bebas dalam apa saja bentuk penjajahan,” jelasnya.

Abdul Aziz berkata, beliau berharap Hadi mahupun pemimpin Pas lain tidak akan sekali-kali membenarkan apa saja bentuk campur tangan oleh kuasa besar di negara ini.